

Negara terus stabil jika rakyat beri mandat semula pada

Barisan
Min. M. 21 SEP 1990
— Mahathir

ITRA 20 Okt. — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Barisan Nasional akan menentukan negara ini terus aman dan stabil jika rakyat memberi mandat semula untuk memerintah.

Beliau berkata, penduduk Malaysia yang terdiri berbilang kaum, agama dan kebudayaan berada dalam keadaan aman dan tenteram selama ini kerana parti pemerintah Barisan Nasional diwakili oleh golongan yang sederhana.

"Kita aman kerana kerajaan Barisan Nasional yang diwakili oleh parti-parti komponen Melayu, Cina, India telah memerintah dengan adil," kata Perdana Menteri semasa berucap kepada kira-kira 1,000 orang penduduk Mukim Hosba dekat sini, malam tadi.

Beliau yakin sekiranya negara ini tidak aman rakyat akan sentiasa berada dalam ketakutan, tiada pelaburan dan pelancong masuk ke negara ini sementara para peniaga tidak dapat menjalankan perniagaan mereka seperti biasa.

Bekerjasama

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan keamanan yang dicapai oleh Malaysia sejak merdeka adalah kerana orang-orang Melayu, Cina, India dan bangsa-bangsa lain saling bekerjasama dan mereka tidak menuntut sesuatu dari kerajaan secara keterlaluan ataupun melampau.

Perdana Menteri berkata, kesan dari pemerintahan yang adil kerajaan Barisan Nasional, kedudukan orang-orang Melayu dan Cina tidak lagi jauh berbeza selepas peristiwa 13 Mei 1969.

Beliau berkata, walaupun orang-orang Melayu merupakan penduduk terbanyak, mereka baik budi dan tidak tamak dengan memberikan hak mereka kepada bangsa lain.

Umpamanya, dalam setiap kali pilihanraya umum, orang-orang India diberi hak menjadi calon walaupun kawasan mempunyai 30 peratus orang India dan ia mendapat sokongan dari orang-orang Melayu di kawasan itu, kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, di kawasan bandar pula yang didiami ramai oleh orang-orang Cina, orang-orang Melayu turut menyokong calon dari kalangan orang Cina atas dasar ingin bekerjasama dalam parti Barisan Nasional.

Beliau seterusnya mengingatkan sekiranya kerajaan campuran memerintah negara ini, mereka akan berlawan sesama sendiri untuk merebut hak dan kuasa di mana dalam situasi sedemikian keamanan tidak lagi wujud.

Akibat ketidakstabilan kerajaan pada masa itu pelabur dan pelancong tidak mungkin berminat untuk datang ke negara ini kerana keamanan tidak wujud.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir merasa sedih terhadap sikap sesetengah pemimpin parti pembangkang kerana hendakkan undi dan sokongan rakyat, mereka telah bertindak keterlaluan hingga sanggup mengeneipkan soal maruah, bangsa dan agama.